

09 DEC 2003

Abdullah-Jepun/I

TINGKATKAN LAGI HUBUNGAN ANTARA KL DAN TOKYO, KATA ABDULLAH

PUTRAJAYA, 9 Dis (Bernama) -- Menjelang lawatannya ke Jepun, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Kuala Lumpur berhasrat untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala yang sedia terjalin dengan Tokyo.

Beliau berkata perkara itu akan disampaikan pada perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Jepun Junichiro Koizumi.

"Ia merupakan kali pertama saya akan berjumpa beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Dan saya ingin katakan sekali lagi apa yang pernah saya katakan sebelum ini, iaitu saya ingin teruskan bukan sahaja hubungan baik yang sedia terjalin tetapi terus berusaha mengeratkan lagi dan memperluaskan hubungan dua hala antara Jepun dan Malaysia," katanya kepada sekumpulan wartawan Jepun dalam satu temubual, di sini, sebelum lawatan itu.

Abdullah akan berada di Jepun untuk menghadiri Sidang Kemuncak Kenang-kenangan Asean-Jepun pada Khamis, kehadiran pertama beliau di luar negara selepas menjadi perdana menteri kelima Malaysia pada 31 Okt.

Perbincangan dengan Koizumi, katanya, mungkin juga akan menyentuh mengenai perkara-perkara untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan pelaburan serta "Dasar Pandang Ke Timur" Malaysia.

Selain daripada hubungan dua hala, Abdullah turut ditanya mengenai sidang kemuncak itu, perkembangan di Iraq, Myanmar dan China serta hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan Australia.

Menyifatkan sidang kemuncak Asean-Jepun itu sebagai penting, beliau berkata buat julung kalinya beliau akan berjumpa dengan pemimpin-pemimpin Asean lain sejak mengambil alih jawatan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai ketua kerajaan.

Mengenai Dasar Pandang Ke Timur, Abdullah berkata dasar itu telah membawa banyak manfaat kepada pelajar dan pekerja muda Malaysia yang melanjutkan pelajaran dan menjalani latihan di Jepun.

Ini, katanya, telah terbukti membawa rahmat kepada firma Malaysia dan Jepun yang beroperasi di negara ini kerana ia membolehkan mereka mengambil pekerja Malaysia yang memahami budaya kerja Jepun.

Abdullah turut memuji hubungan aktif Kuala Lumpur-Tokyo, yang menurutnya yang terjalin di peringkat perdana menteri, antara rakyatnya dan tokoh perniagaan kedua-dua pihak.

Perdana Menteri juga berkata Jepun dan Malaysia juga akan mempunyai perjanjian perdagangan bebas "tidak lama lagi".

Tanpa memberikan butirannya, beliau berkata: "Kita mahukannya secepat mungkin. Seterusnya akan dikendalikan oleh para pegawai."

Ditanya mengenai kemunculan China sebagai kuasa ekonomi, Abdullah berkata perkara itu tidak sepatutnya menjadi kebimbangan.

"Ia adalah sesuatu yang kita mahu lihat sebagai satu peluang baik. China boleh memberikan kita pasaran baik. Sudah tentu kita perlu pastikan yang kita dapat membangunkan pasaran istimewa dan produk kita sendiri yang sesuai dan dimahukan oleh pasaran China," katanya.

Mengenai keputusan Jepun untuk menghantar pasukan tentera ke Iraq bagi tujuan kemanusiaan, beliau berkata terpulang kepada Jepun untuk terbabit dalam misi sedemikian.

Abdullah berkata keadaan di Iraq tidak dapat diramalkan dan sentiasa bergolak berikutan bantahan terhadap pendudukan dan kehadiran pasukan tentera yang diterajui Amerika.

"Amat menyedihkan kerana walaupun perang telah dimenangi tetapi keamanan masih belum dikecapi," katanya.

Mengenai Myanmar, beliau berkata adalah penting untuk meneruskan rundingan dengan kerajaan di Yangon dengan harapan ia akan membawa perubahan di negara itu.

Mengenai hubungan Malaysia dengan Amerika Syarikat dan Australia, Abdullah berkata walaupun Kuala Lumpur mungkin berbeza pendapat "dengan serius" mengenai isu politik tertentu, hubungan dengan Washington dan Canberra secara keseluruhannya kekal kukuh.

-- BERNAMA

MAM AHH RHM